




针灸穴位挂图
Acupuncture Point Wall Chart

GETARAN atau aliran elektrik dialirkan melalui titik-titik meridian di dalam badan manusia.



Getaran tenaga rawat **penyakit**



KAEDAH berbekam yang menggunakan buluh untuk menyedut darah kotor.



BEKAM chi gong tidak memerlukan sebarang torehan pada kulit.

Tanpa ditusuk dengan jarum atau ditoreh dengan pisau, darah kotor yang mengandungi toksin di seluruh bahagian badan pesakit dikeluarkan menggunakan tenaga dalaman yang dikenali sebagai *chi*.

Oleh ROSMALINA ABD. KADIR
rosmalina.kadir@kosmo.com.my

RIAK wajah Jiang Feng, 47, dan Wang Li Xiang, 36, seperti sedang bergelut dengan emosi. Sambil membuat pergerakan ala shaolin, tapak tangan kedua-duanya dilakukan di bahagian belakang badan seorang pesakit dalam gerakan perlahan.

Apabila mereka berhenti di satu bahagian pada tubuh pesakit itu, liang roma permukaan kulit yang ditepek secara perlahan itu terbuka dengan sendirinya. Sensasi sentuhan atau aura tenaga juga dapat dirasakan oleh pesakit tersebut tanpa kedua-dua lelaki itu membuat sentuhan fizikal.

Sebaik sahaja darah berkumpul di bawah permukaan kulit, cawan khas yang sering digunakan untuk rawatan bekam ditelangkupkan pada permukaan kulit tubuh itu. Dalam kesan vakum itu, darah kotor yang mengandungi toksin disedut keluar secara perlahan-lahan.

Tanpa ditusuk dengan sebatang jarum arau torehan pisau kecil, darah kotor mengalir keluar dari tubuh pesakit.

Jiang Feng dan Li Xiang menggunakan tenaga dalaman mereka yang tinggi untuk menyempurnakan proses tersebut.

Itulah kelebihan rawatan bekam yang menggunakan teknik chi gong. Bagi masyarakat Malaysia, terapi chi gong pasti kedengaran asing

tetapi ia adalah rawatan tradisional purba itu diamalkan sejak beribu-ribu tahun lalu itu di China.

Kedua-dua ahli terapi itu berasal dari wilayah Anhui yang terletak di timur China. Di wilayah berkenaan, kanak-kanak didedahkan dengan kemahiran menggunakan chi sejak kecil. Bagi mendalami ilmu tersebut ia memakan masa bertahun-tahun malah tidak semua orang mempunyai kelebihan tersebut.

Chi secara teori yang mudah difahami ialah tenaga yang mengalir di sekeliling kita, manakala terapi chi gong pula menggunakan tenaga itu yang dimanipulasi menjadi getaran atau aliran elektrik yang dialirkan melalui titik-titik meridian di dalam badan manusia bagi memulihkan kesihatan.

Agak sukar menjelaskan tentang kemampuan seseorang itu memiliki kuasa yang dapat mengalirkan tenaga di dalam dirinya sehingga getarannya dapat dirasai oleh pesakit.

Dengan teknik pernafasan, aktiviti fizikal dan minda yang tepat, rawatan bersifat kerohanian itu diakui berkesan membantu penyembuhan pelbagai jenis penyakit.

Menurut Jiang Feng, tidak seperti rawatan bekam lain yang mengeluarkan darah kotor di bawah permukaan kulit untuk merawat penyakit-penyakit kecil, bekam chi gong menyasarkan sokongan proses penyembuhan penyakit-penyakit biasa dan kronik. Antaranya termasuklah pe- ➤➤



■ Bekam merupakan rawatan tradisional yang berasal dari Asia Barat.

■ Bekam merupakan teknik detoksifikasi yang berkesan untuk merawat pelbagai penyakit dan memulihkan fungsi tubuh.

■ Pada masa yang sama bekam berfungsi untuk mengeluarkan darah kotor atau angin melalui beberapa titik tubuh.

■ Terdapat tiga titik utama yang perlu dibekam iaitu di tengah ubun-ubun dan bahagian bawah telinga kiri serta kanan. Namun, bekam juga dilakukan di bahagian punggung, pinggang, kaki dan tangan.

■ Rawatan bekam dengan izin Allah boleh mengubati pelbagai jenis penyakit kecuali AIDS dan Hepatitis B.

■ Selain penyakit hilang ingatan, berbekam juga membantu mengawal hipertensi, diabetes dan sakit kepala serta melangsingkan tubuh.

◀◀ nyakit jantung, buah pinggang dan kanser.

“Menerusi tenaga chi, toksin di dalam darah pesakit didorong untuk berkumpul di satu titik meridian yang tepat iaitu di kawasan badan pesakit yang berpenyakit.

“Walaupun tanpa cawan bekam, darah kotor akan mengalir keluar tetapi penggunaan cawan bekam adalah bagi mempercepatkan proses menyedut keluar darah kotor yang berkumpul di bawah permukaan kulit pesakit,” katanya yang berpengalaman selama tiga dekad dalam bidang tersebut.

Menurut beliau, sesiapa pun boleh menjalani rawatan jika badan mereka dapat menerima tenaga chi daripada pengamal perubatan. Bagaimanapun, ia tidak digalakkan untuk dilakukan kepada kanak-kanak berusia di bawah 13 tahun.

“Pengamal perubatan akan menjalankan diagnosis untuk menentukan sama ada pesakit sesuai menjalani rawatan ini atau sebaliknya.

“Ketika *chi* dialirkan ke dalam badan

pesakit melalui titik meridian semasa proses diagnosis dijalankan, bahagian badan yang terjejas dapat dikenal pasti,” katanya ketika ditemui di kliniknya baru-baru ini.

Tambahnya, kelebihan rawatan chi gong ialah ia dapat mengesan sesuatu penyakit yang cenderung menyerang seseorang pesakit walaupun ia tidak dapat dikesan oleh teknik perubatan moden hari ini.

“Sekiranya mereka yang sihat melakukakan rawatan ini, ia dapat menguatkan imunitas badan dan bertindak sebagai penghalang penyakit, manakala bagi mereka yang menjalani rawatan ini, ia adalah pilihan alternatif untuk membantu mempercepatkan proses menyembuhkan,” katanya.

Mengeluarkan toksin

Sementara itu, Li Xiang memberitahu, hanya pengamal perubatan chi gong di peringkat master mempunyai kelebihan merawat penyakit kronik seperti sakit jantung dan kanser.

“Toksins disimpan di dalam badan

Kosmo 1/6/2011 MS23

akan menjadi racun. Semakin lama dibiarkan, semakin sukar dan lambat untuk pulih. Tetapi apabila ia dikeluarkan, secara semula jadi dan perlahan-lahan ia dapat membantu penyembuhan pesakit atau memanjangkan jangka hayat pesakit.

“Tubuh badan setiap manusia juga sebenarnya mempunyai *chi* dan ia juga merupakan salah satu tenaga yang dapat digabungkan dengan tenaga chi daripada pengamal perubatan semasa menjalankan rawatan,” katanya.

Tambahnya, proses rawatan bergantung kepada jenis penyakit dan kekuatan badan untuk menerima tenaga chi daripada pengamal perubatan.

“Untuk satu-satu proses selalunya ia memakan masa selama lebih kurang 30 minit tetapi bagi mereka yang mempunyai penyakit kronik, rawatan susulan mungkin diperlukan,” katanya.

Jiang Feng dan Li Xiang adalah pengamal perubatan chi gong di Chi-Gong Healing Incorporated Sdn. Bhd. yang terletak di Damansara Heights, Kuala Lumpur.

■ Alat bekam mengalami pelbagai perubahan. Pada zaman Nabi Muhammad SAW, baginda menggunakan kaca yang berupa cawan atau gungku.

■ Pada zaman Cina kuno pula bekam disebut sebagai rawatan tanduk disebabkan alat itu dipakai untuk menggantikan kaca.

■ Pada abad ke-18, masyarakat Eropah menggunakan lintah. Kini pada zaman moden, peralatan yang digunakan adalah penyedut (hand pump), mangkuk (cupping set), pena karum (lancet device), ubat antiseptik dan sarung tangan getah.

■ Pengamal perubatan tradisional menyarankan orang ramai menjalani rawatan bekam sebulan sekali untuk kesihatan badan.

CHI-GONG HEALING INCORPORATED SDN. BHD.

Tingkat 2 Wisma Prima,
17 Jalan Sri Semantan Satu,
Damansara Height,
50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2092 2222



TERAPI chi gong
menggunakan tenaga yang
mengalir di sekeliling kita.

Proses tidak menyakitkan

NIK ALEXANDER KAMIL EYTON, 28 melalui pengalaman menarik ketika pertama kali mencuba kaedah bekam teknik chi gong enam bulan lalu selepas diperkenalkan oleh seorang kawan.

Selain mempunyai kesakitan di bahu dan belakang, dia tertarik dengan kaedah tersebut.

“Pada mulanya master memeriksa denyutan nadi saya dan melalui kaedah ini, dia mengalirkan *chi* dalam jumlah yang kecil ke dalam tubuh saya untuk melihat bahagian yang bermasalah. “Tetapi saya lebih tertarik dengan langkah kedua apabila master membuat beberapa pergerakan shaolin.

Tujuannya mahu mengumpulkan tenaganya dan dengan memegang tangan saya, getaran yang kuat seperti tenaga elektrik mengalir masuk melalui tangan saya,” jelasnya.

Menurut Nik Alexander, melalui kaedah itu, *chi* yang mengalir melalui titik-titik meridian telah memantul kembali kepada master tersebut. Dari situlah, dia dapat mengenal pasti masalah pesakit.

“Selepas proses diagnosis, master tersebut menggunakan *chi* yang tinggi untuk mengumpulkan toksin di dalam badan saya ke satu titik meridian di belakang badan saya yang terjejas.

“Ia adalah proses yang berbeza



LI XIANG (kiri) memberi khidmat runding kepada Nik Alexander.

berbanding rawatan bekam lain kerana badan saya tidak dicucuk dengan jarum dan darah kotor yang keluar bukan sahaja dari bawah permukaan kulit tetapi dari seluruh bahagian badan saya,” katanya.

Selepas menjalani rawatan itu katanya, bahagian yang sakit beransur pulih tetapi untuk memastikan lebih banyak toksin dikeluarkan dari badan, rawatan susulan boleh dilakukan sekiranya perlu.

“Bagi saya rawatan ini sangat unik kerana ia berbeza dengan rawatan bekam lain yang pernah saya lihat dan dengar. Rawatan ini bukan sahaja efektif tetapi pada masa sama mengimbangi tenaga dalam

yang dikenali sebagai *ying* dan *yang* Cina.

“Ia merawat penyakit dari akar umbinya dan membetulkan kembali laluan *chi* dalam dan peredaran darah yang penting kepada sistem tubuh badan secara keseluruhan,” katanya.

Tambah Nik Alexander, dia memilih rawatan itu kerana ia tidak berisiko walaupun bagi mereka yang sedang menjalani rawatan perubatan konvensional.

“Ia adalah terapi sampingan dan boleh dilakukan oleh mereka yang sihat untuk menguatkan sistem imunisasi bagi melawan penyakit,” ujarnya.

Sementara itu, pelakon remaja Diana Danielle, 19, yang telah mengikuti rawatan bekam chi gong sebanyak empat kali sejak November tahun lalu.

“Pada mulanya, saya melakukan pemeriksaan kesihatan melalui terapi chi gong untuk mengesan kemungkinan saya menghadapi masalah kesihatan.

“Saya memilih rawatan ini kerana ia melalui proses diagnosis yang mudah.

“Selepas itu, saya berjumpa doktor pakar bagi memastikan sama ada hasil diagnosis master yang merawat saya sama dengan keputusan doktor pakar,” katanya.

Seperti yang dijangkakan, hasil pemeriksaan dengan doktor pakar memberikan jawapan sama, justeru Diana terus melakukan rawatan susulan dengan pusat rawatan terapi chi gong yang terletak di Damansara Height, Kuala Lumpur.

“Pada mulanya, saya berasa takut untuk melakukannya tetapi saya sangat berpuas hati dengan rawatan ini kerana tidak menyakitkan dan saya tidak perlu menjalani pembedahan.

“Setakat ini, saya sudah menjalani sebanyak empat kali rawatan di Kuala Lumpur dan di China sekali.

“Kini, saya semakin sihat dan tidak lagi mengalami kesakitan seperti sebelum ini,” katanya yang enggan berkongsi masalah kesihatan yang dihidapinya.



DIANA DANIELLE